

Zam : hentikan usaha BN tawan Kelantan
Malaysiakini.com
Mar 13, 2008

Umno seharusnya insaf atas kegagalannya lima penggal berturut-turut untuk merampas Kelantan dan menghentikan usaha itu kerana ia hanya sia-sia, kata mantan menteri penerangan Datuk Seri Zainuddin Maidin.

Tambahnya, masa dan wang yang dicurahkan dengan banyak untuk mengambil alih kubu kuat PAS itu sia-sia dan lebih banyak menyebabkan perpecahan dalam kalangan pemimpin Umno negeri, lapor Bernama.

zainuddin maidinKatanya, kekalahan BN di negeri itu bagaimanapun tidak wajar menghalang usaha pembangunan jika wujud kerjasama antara kerajaan Kelantan dengan kerajaan Persekutuan.

Zainuddin, juga lebih popular dipanggil Zam, dipetik sebagai berkata "pilihanraya kali ini juga menunjukkan bahawa PAS sanggup untuk berganjak dari dasar-dasarnya yang bersifat ketaksuban kepada (dasar yang) rasional dalam realiti politik Malaysia."

"Kemenangan PAS di beberapa buah negeri dan kawasan bukan Melayu juga menunjukkan bahawa parti itu boleh bersikap rasional sekiranya menghadapi tekanan politik demi meneruskan kuasa."

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/79791>